



PEKELILING PERJAWATAN NEGERI SARAWAK BILANGAN 17 TAHUN 2020

**DARIPADA: Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. KEPADA: Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Residen Bahagian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan**

SALINAN KEPADA: Pengarah Audit Negara, Cawangan Sarawak

Pengarah Audit Dalam

PERKARA: KEMUDAHAN CUTI KUARANTIN BAGI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK (PANS)

RUJUKAN: 25/JKM/SHRU/TM/500-3/5/1/2/Jld.3 TARIKH: 24 Ogos 2020

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan Negeri untuk menambahbaik dan memanjangkan keperluan Kemudahan Cuti Kuarantin Pegawai untuk menjaga anak atau pasangan yang menghidap penyakit berjangkit.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kemudahan Cuti Kuarantin telah diperuntukkan di bawah Perintah Am 133, Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri, 1996 kepada Pegawai yang balik ke Negeri Sarawak dari Luar Negara / Pegawai yang didapati sakit atau disyaki sakit semasa kuarantin / Pegawai yang ditahan di mana-mana pusat kuarantin oleh Pihak Berkuasa Kesihatan kerana penularan penyakit pandemik / wabak penyakit berjangkit.

2.2. Bagaimanapun, setakat ini **tiada peruntukan Kemudahan Cuti Kuarantin** di bawah Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri, 1996 kepada **Pegawai yang menjaga anak dan pasangan Pegawai yang dijangkiti penyakit berjangkit dan perlu dikuarantin.**

"Together We Drive the Workforce in the Civil Service to be World Class"



- 2.3 Selaras dengan keprihatinan kepada institusi kekeluargaan dalam konteks penjagaan kesihatan anak dan pasangan, Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya kemudahan Cuti Kuarantin dipanjangkan kepada **pegawai yang menjaga anak dan pasangan yang menghidap penyakit berjangkit dan perlu dikuarantin**.
- 2.4 Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menerimapakai **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2016 : Kemudahan Cuti Kuarantin kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan** yang anaknya menghidap penyakit berjangkit dan perlu dikuarantin mulai 1 Januari 2017 dengan pindaan seperti dalam Pekeliling ini.

3. TAFSIRAN

Dalam pekeliling perkhidmatan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain–

- 3.1 **'anak kandung'** bermaksud anak sendiri.
- 3.2 **'anak tiri tanggungan'** bermaksud anak kepada suami atau isteri hasil daripada perkahwinannya yang terdahulu yang tinggal bersama dan ditanggung nafkahnya.
- 3.3 **'anak angkat'** bermaksud anak yang diangkat di bawah ***Adoption Ordinance 1958 (Sarawak CAP.91)*** atau di bawah undang–undang yang berkuatkuasa semasa.
- 3.4 **'anak pelihara'** bermaksud seseorang kanak-kanak yang diberi pemeliharaan, jagaan dan kawalan kepada ibu bapa peliharaan di bawah perenggan 30(1)(e) Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*].
- 3.5 **'Pasangan pegawai'** bermaksud suami atau isteri yang sah kepada pegawai yang diiktiraf di sisi undang-undang.
- 3.6 **'Ketua Jabatan'** bermaksud seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu Kementerian / Jabatan seperti Setiausaha Tetap Kementerian Negeri / Pengarah Jabatan Negeri / Unit-Unit di Jabatan Ketua Menteri / Residen Bahagian
- 3.7 **'Penyelia'** bermaksud Ketua Pejabat / Seksyen / Cawangan / Unit / Bahagian / Daerah / HRC / HRO yang merupakan Penyelia kepada Pegawai.
- 3.8 **'Kuarantin'** bermaksud sekatan kebebasan pergerakan seorang pegawai yang anak atau pasangannya menghidap penyakit berjangkit dan telah dikeluarkan perakuan ke atasnya.

4. KELAYAKAN

- 4.1 Sekiranya mana-mana anak / pasangan pegawai telah diberi perakuan dikeluarkan oleh pegawai perubatan Kerajaan / Swasta / pihak yang diberi kuasa mengeluarkan perintah kuarantin yang mengesahkan anak / pasangan tersebut perlu dikuarantin kerana penyakit berjangkit, pegawai boleh diberi kemudahan Cuti Kuarantin untuk menjaga anak / pasangan yang sakit.
- 4.2 Cuti kuarantin ini disifatkan sebagai cuti bergaji penuh dan tidak akan menjejaskan kelayakan cuti rehat pegawai.
- 4.3 Pegawai yang layak memohon kemudahan Cuti Kuarantin adalah ibu dan bapa kepada **anak** dan / atau **pasangan**.
- 4.4 Anak pegawai bagi maksud pekeliling ini adalah termasuk:
 - (a) anak kandung;
 - (b) anak tiri tanggungan;
 - (c) anak angkat; dan
 - (d) anak pelihara
- 4.5 Syarat-syarat pemberian Kemudahan Cuti Kuarantin kepada pegawai adalah seperti berikut:
 - (a) tempoh yang boleh diluluskan adalah selama tempoh perakuan dikeluarkan oleh pegawai perubatan Kerajaan / Swasta / pihak yang diberi kuasa mengeluarkan perintah kuarantin; dan
 - (b) Anak yang dikuarantin adalah:
 - (i) berumur di bawah 21 tahun atau jika masih belajar di bawah 25 tahun; dan
 - (ii) tidak kira apa jua umurnya dan yang cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal dan yang tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri, dengan syarat anak itu adalah cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal sebelum anak itu mencapai umur 21 tahun.
 - (c) Pasangan yang dikuarantin adalah suami / isteri yang sah kepada pegawai.

5. PELAKSANAAN

Kemudahan Cuti Kuarantin hendaklah dilaksanakan seperti berikut:

- (a) Pegawai boleh menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin pada bila-bila masa dalam tempoh perakuan dikeluarkan.
- (b) **Senarai penyakit berjangkit** yang boleh dipertimbangkan adalah seperti di **Lampiran A**, atau pindaannya yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa; dan
- (c) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada **Ketua Jabatan** melalui **Penyelia** untuk pertimbangan dan kelulusan berserta perakuan dikeluarkan oleh pegawai perubatan Kerajaan / Swasta / pihak yang diberi kuasa mengeluarkan perintah kuarantin dan lain-lain dokumen (jika perlu) melalui **Government Employees Management System (GEMS)**.

6. CUTI KUARANTIN DI BAWAH PENJAGAAN SEMENTARA

Mana-mana pegawai yang diberikan hak penjagaan selain anak yang dinyatakan di perenggan 4.4 di atas semasa ketiadaan ibu bapa atas apa-apa jua sebab untuk suatu tempoh berterusan sekurang-kurangnya satu (1) bulan, jika anak itu perlu dikuarantin semasa dalam tempoh penjagaan pegawai itu, pegawai boleh diberikan kemudahan Cuti Kuarantin, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di atas.

7. KUASA MELULUS

Dengan berkuat kuasanya pekeliling ini, **kuasa melulus** bagi **semua kemudahan Cuti Kuarantin** adalah di bawah **Ketua Jabatan masing-masing**.

8. PROSEDUR PERMOHONAN

- 8.1 Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada **Ketua Jabatan** melalui **Penyelia** masing-masing untuk pertimbangan dan kelulusan.
- 8.2 Semua permohonan hendaklah dibuat melalui **GEMS** dengan melampirkan bersama dokumen-dokumen berkaitan permohonan Cuti Kuarantin.

9. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 9.1 Ketua Jabatan hendaklah memastikan kemudahan ini diberikan mengikut tempoh yang boleh diluluskan selama tempoh perakuan dikeluarkan oleh pegawai perubatan Kerajaan / Swasta / pihak yang diberi kuasa mengeluarkan perintah kuarantin bagi memenuhi keperluan pegawai itu dalam menguruskan apa-apa perkara yang berhubung peraturan di atas.
- 9.2 Bagi permohonan Cuti Kuarantin di bawah perenggan 6 di atas, kemudahan ini adalah tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan.

9.3 Ketua Jabatan hendaklah memastikan rekod kelulusan kemudahan Cuti Kuarantin pegawai dikemaskini dalam Buku Rekod Perkhidmatan Kerajaan dan *GEMS*.

10. PENGECUALIAN

Sebarang pengecualian daripada mana-mana peruntukan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah mendapat pertimbangan dan kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri.

11. TARIKH KUAT KUASA


Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **4 Mei 2020**.

12. PEMAKAIAN

Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”

“AN HONOUR TO SERVE”



DATUK AMAR JAUL SAMION
Setiausaha Kerajaan Negeri
Sarawak

SENARAI PENYAKIT BERJANGKIT

1. Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut [*Hand, Foot and Mouth Disease* (HFMD)]
2. Demam Denggi dan Demam Denggi Berdarah
3. Campak (*Measles*)
4. *Chickenpox*
5. *Difteria*
6. Malaria
7. *Influenza*
8. COVID-19
(Sila rujuk **Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bilangan 5 Tahun 2020 : Cuti Kuarantin Khas COVID-19 Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak**)
9. Semua jenis penyakit berjangkit selain di atas yang diperakukan oleh pegawai perubatan yang berdaftar.